

PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG


KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

05 SEPT 2016

ISNNIN



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
HARIAN METRO	KASMA UNGGULI KATEGORI CP130	2
SINAR HARIAN	‘SAMBUTAN DI LUAR JANGKAAN KAMI’	3
KOSMO	SMK NUSA DAMAI BINA REPLIKA MENARA BERKEMBAR PETRONAS	4



HARIAN METRO

HM 5/9/16

Kasma ungguli kategori CP130

Pasir Gudang: Kasma Daniel Kasmayudin berjaya meraih kemenangan keenam musim ini sekali gus membantu menghadiahkan gelaran juara keseluruhan berpasukan buat PETRONAS Yamaha Maju Motor dalam saingan CP130 pada pusingan ketujuh Kejuraan Cub Prix AAM Malaysia PETRONAS di Pasir Gudang semalam.

Meskipun masih berbaki tiga pusingan, gandingan pelumba kelahiran Johor berusia 17 tahun itu bersama-sama Ahmad Fazli Sham dan Abd Muhammin Roslan berjaya mengumpul 287 mata, 147 mata mengatasi pasukan Motul Zeneos Yamaha YY Pang yang berada di kedudukan kedua yang mengumpul 140 mata manakala

ketika ini di kedudukan ketiga dengan 135 mata.

"Pertama kali saya tidak begitu baik dan pada masa sama saya juga berhati-hati untuk mengelak dari sebarang kesilapan. Malah dengan litar yang agak sempit, berlaku sedikit perlanggaran bersama pelumba lain.

"Walaupun ketinggalan, saya yakin jentera saya

dan berada di kedudukan keenam pada pusingan pertama tidak menghalang Kasma untuk menguasai litar sepanjang 0.924km itu dan hanya memerlukan lapan pusingan daripada 18 pusingan keseluruhan berpasukan musim ini walaupun masih ada baki tiga pusingan," jelas Kasma yang semakin selesa mendahului senarai pelumba keseluruhan dengan 150 mata, 39 mata mengatasi Ahmad Fazli yang berada di kedudukan kedua.

Kemenangan di tempat ketiga membantu Norizman untuk berada di tangga ketiga keseluruhan dengan 68 mata.

Sementara itu, pelumba persendirian, Falkhrusy Syakirin Rostam yang membuat kemunculan semula di pentas Cub Prix bermula pusingan kelima di Teluk Intan mencipta kejutan apabila

mempunyai kelajuan yang cukup untuk mengejar dan memintas meskipun selekoh di sini agak sempit dan tidak banyak ruang memintas.

"Saya gembira dengan kemenangan ini selain bergembira dapat membantu pasukan untuk bergelar juara keseluruhan berpasukan musim ini walaupun masih ada baki tiga pusingan," jelas Kasma yang semakin selesa mendahului senarai pelumba keseluruhan dengan 150 mata, 39 mata mengatasi Ahmad Fazli yang berada di kedudukan kedua.


Kemenangan di tempat ketiga membantu Norizman untuk berada di tangga ketiga keseluruhan dengan 68 mata.

Gelaran naib juara cukup buat Md Akid untuk menjonjak ke tangga teratas perlumbaan kategori CP115.

Beraksi di halaman sendiri memberi kelebihan buat Falkhrusy menguasai 15 pusingan perlumbaan dengan masa keseluruhan 13:54.704s diikuti Md Akid Aziz (PETRONAS Yamaha Maju Motor) di kedudukan kedua dengan masa 13:56.820s dan Azroy Hakeem Amuar (Givi Honda Yuzy Racing) ketiga dengan masa 14:01.203s.



KASMA (kiri) menerima trofi daripada Tunku Temenggong Johor Tunku Idris Iskandar Sultan Ibrahim.



SINAR HARIAN

SH 5/9/16

'Sambutan di luar jangkaan kami'

PASIR GUDANG – Stadium Tertutup Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) bergegar malam kelmarin selepas lebih 4,000 peminat dari selatan tanah air termasuk Singapura, Indonesia dan Brunei hadir untuk menyaksikan Konsert Dua Dekad Slam Kembali Terjalin.

Ketua Kumpulan Slam, Shah Nizam Abdul Halim yang lebih dikenali sebagai Shah berkata, konsert berkenaan adalah buah tangan paling manis buat peminat kerana jumlah kalinya diadakan selepas lebih 20 tahun tidak beraksi di luar Kuala Lumpur.

Menurutnya, dia tidak menolak perasaan gemuruh untuk bertemu peminat di Johor kerana tidak pernah beraksi di pentas konsert terbesar seperti itu di negeri kelahiran Slam.

"Kita dah berpuluh tahun tak buat konsert di luar Kuala Lumpur dan konsert ini adalah yang berskala paling besar."

"Kita sebenarnya seram kerana takut reaksi orang Johor, tapi Alhamdulillah rasa macam tak percaya sambutan yang diberikan di luar jangkaan kami," katanya pada sidang media, di sini, kelmarin.

Katanya, kejayaan konsert berkenaan hasil komunikasi dan hubungan baik antara Slam dengan sokongan



Slam bergambar kenangan bersama Dr Roslan selepas Konsert Dua Dekad Slam Kembali Terjalin, malam kelmarin.

an media dan peminat yang bukan sahaja dari Malaysia tetapi juga negara jiran lain.

Menurutnya, selain 26 lagu hit Slam, konsert turut menyelitkan sebuah lagu Datuk Dahlam Zainuddin, Kisah Seorang Biduan sebagai tanda ingatan dan sokongan terhadap rakan penghibur yang sedang menghadapi masalah kesihatan.

"Itu sebenarnya idea Zamani untuk mengenangkan keadaan abang Dahlam yang kita anggap seperti bapa sedang sakit sebagai bantuan dengan niat lepas ini ada pihak-pihak yang buka mata."

"Kita cuba tampilkan kelainan melalui konsert yang lepas dengan empat segmen mengikut kesesuaian lagu," katanya.

Konsert tajaan DMS360 yang berlangsung selama lebih tiga jam itu sering mendapat tepukan gemuruh dan sorakan peminat yang dilihat terlalu merindui kemunculan kembali Slam.

Antara lagu-lagu yang disampaikan adalah Jika Kau Rasa Getarnya, Rindiani, Gerimis Mengundang dan Kembali Terjalin secara duet bersama Penaung dan Pengasas DSM360, Datuk Seri Dr Roslan Shah.



KOSMO

KOSMO 5.9.16

SMK Nusa Damai bina replika Menara Berkembar Petronas

PASIR GUDANG – Warga Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Nusa Damai di sini mempunyai cara tersendiri menyambut Hari Kemerdekaan ke-59 apabila membina replika Menara Berkembar Petronas yang diperbuat dengan menggunakan bo-

tol plastik terbuang.

Pengetuanya, Supiandi Yusof berkata, pembinaan replika setinggi 7.62 meter itu dihasilkan sendiri oleh para pelajar dan guru yang merupakan sebahagian daripada aktiviti yang dijalankan sempena program Ambang Merdeka.

“Replika ini dibina menggunakan kira-kira 1,500 botol plastik terbuang,” katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Menurut Supiandi, replika menara itu diletakkan di pintu hadapan sekolah sehingga sambutan Hari Malaysia 16 September ini.



SEBAHAGIAN daripada warga SMK Nusa Damai, Pasir Gudang bergambar di hadapan replika Menara Berkembar Petronas yang dibina baru-baru ini.

